

TARIKH : 12 JANUARI  
SURAT KHABAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 12

12

Negara!

Kosmo! KHAMIS 12 JANUARI 2023

# Tiga didakwa tipu tuntutan Penjana

Oleh NORLIZAH ABAS

**KUALA LUMPUR** — Tiga individu termasuk seorang wanita yang mendakwa berstatus muflis mengaku tidak bersalah di tiga Mahkamah Sesyen di sini atas empat pertuduhan mengemukakan dokumen palsu kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bagi menuntut insentif Program Penjana Kerjaya 2.0 berjumlah RM123,100.

Di hadapan Hakim Azura Alwi, pemilik syarikat Isa Legacy, Isa Mohd. Ismail, 28, didakwa mengemukakan dokumen palsu mengandungi nama pekerja baharu atas nama syarikat itu bagi menuntut insentif RM51,000.

Menurut pertuduhan, butiran palsu itu terkandung dalam Borang Pengesahan Pekerja Program Insentif Pengambilan Pekerja walhal senarai nama dalam dokumen itu bukan pekerja Isa Legacy.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu pada 29 Jun 2021, di Pejabat Perkeso Tingkat 3A, Menara Perkeso Putrajaya.

Sementara itu, Mazlina Ali, 45, yang mendakwa dirinya muflis, dituduh membuat tuntutan insentif RM3,600 atas nama Perusahaan Aida Hani Enterprise pada 9 Mac 2021 di Wisma Perkeso, Jalan Tun Razak, Kampong Baru di sini.

Azura membenarkan keduanya mereka dikenakan jamin RM5,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan kes disebut pada 14 Februari ini.

Mahkamah turut memerintahkan mereka melapor diri di Pejabat SPRM berdekatan sebulan sekali hingga kes selesai.

Sebelum itu, peguam Lokman Zainal memohon jaminan terhadap Isa dikurangkan atas alasan anak guamnya yang kini bertugas sebagai ejen insurans, manakala pendapatan berdasarkan komi-

sen bulanan.

Mazlina yang tidak diwakili peguam memohon jaminan rendah atas alasan tidak mempunyai pendapatan, manakala suaminya bertugas sebagai pembantu jualan di pasar borong.

Sementara itu di hadapan Hakim Suzana Hussin, pemilik syarikat Translimit Industries, Mohamad Mohamed Amin, didakwa mengemukakan borang mengandungi senarai nama pekerja palsu bagi menuntut insentif RM44,600.

Tertuduh melakukan perbuatan itu pada 29 Mei, 2021, di Menara Perkeso di Putrajaya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM6,000 dan RM10,000 dengan seorang penjamin, manakala pasport diserahkan sebagai syarat jaminan.

Semua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.



DUA daripada tiga individu didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.